

oleh MUHAMAD HAFFY ZIKRY

# Remaja Dipasung Jenama

**SEKADAR** memerhati, pergilah ke kompleks beli-belah di sekitar Kuala Lumpur atau singgah sebentar di Starbucks atau Coffee Bean, pandangan kita tentunya tidak terlepas kepada golongan remaja yang rata-rata begitu bergaya baik dari segi pakaian yang menyaluti tubuh mereka, aksesori seperti beg tangan sehinggalah kepada telefon bimbit, semuanya barangan berjenama dan sudah pasti mahal harganya.

Kadang-kadang, sering kali persoalan bermain di fikiran kita, dari manakah mereka mendapatkan duit untuk membeli semua barangan itu? Hal ini kerana ada dalam kalangan remaja ini masih bersekolah atau masih menundut di pusat pengajian tinggi. Tidak menghairankan jika mereka anak orang kaya kerana begitulah corak kehidupan mereka dan tidak perlulah

dipersoalkan. Cuma jika mereka daripada keluarga kurang berada, tetapi masih mampu bergaya hebat dengan barangan berjenama dan hal itu agak meragukan juga.

Jika dahulu memakai barangan berjenama sering dikaitkan dengan status seseorang, tetapi pada hari ini, sesiapa sahaja dapat memilikinya asalkan berduit. Maka tidak hairanlah jika mereka yang

kurang berkemampuan dari segi wang ringgit masih dapat bergaya mewah termasuklah golongan remaja yang rata-ratanya masih bergantung hidup pada wang saku daripada ibu bapa. Malah tidak kurang yang menyalahgunakan biasiswa atau pinjaman pelajaran untuk tampil bergaya.

Cita rasa remaja hari ini sudah jauh berubah. Pengaruh persekitaran menjadikan mereka berubah dan terikut-ikuit dengan rentak di sekeliling mereka. Cita rasa mereka bukan hanya setakat kepada pilihan barangan berjenama, tetapi juga meliputi cita rasa hebat dari segi makanan mahu pun minuman. Starbucks,



Coffee Bean, mahupun kopitiam menjadi pilihan untuk bersantai sesuai dengan gaya hidup yang menjadi pilihan mereka.

Hakikat yang kita lihat pada hari ini menunjukkan peranan dan pengaruh barangan berjenama memainkan peranan begitu penting dalam mencorakkan kehidupan para remaja terutama daripada segi perbelanjaan. Selain topik yang melingkari kehidupan mereka sebagai remaja menjadi bualan ketika bersembang atau melepak bersama rakan sebaya, ketaasuban mereka terhadap barangan berjenama juga menjadi antara kemestian dalam topik perbualan.

Berbeza dengan golongan lebih dewasa yang selesa dengan jenama Giorgio Armani, Salvatore Faragamo, Gucci, Dior dan Dunhill, jenama Calvin Klein, Guess, MNG, DKNY, Quicksilver, Billabong, Zara dan Paul Smith merupakan beberapa pilihan dan



Pengaruh barangan berjenama memainkan peranan begitu penting dalam mencorakkan kehidupan para remaja.

kesukaan remaja pada masa kini. Selain rekaan dan fesyennya yang menepati cita rasa remaja hari ini, jenama tersebut rata-rata mampu dimiliki meskipun harganya masih dianggap mahal.

Ketaasuban remaja kepada barangan berjenama juga berkaitan dengan pendedahan meluas mereka terhadap dunia teknologi maklumat. Selain itu, remaja juga merupakan pembeli utama majalah hiburan dan fesyen. Pendedahan secara meluas kepada gaya semasa sedikit sebanyak mencorakkan kehidupan mereka. Apa-apa sahaja benda atau rekaan baharu di pasaran, mereka akan berusaha untuk mendapatkannya. Soal harga bukan lagi persoalan utama. Yang penting, mereka mesti mendapatkannya walau dengan apa-apa cara sekalipun.

Selain menyimpan wang pemberian saku oleh keluarga, bekerja sambilan selepas tamat waktu persekolahan atau kuliah sering kali menjadi pilihan bagi remaja untuk menambah wang saku. Semuanya berpunca daripada rasa taasub dan pengaruh persekitaran terutama daripada kalangan rakan sebaya. Apa-apa sahaja barangan yang dimiliki rakan, pasti mereka akan

berusaha untuk mendapatkannya. Sedapatnya mereka tidak mahu ketinggalan dari segi gaya dan penampilan atau berasa terpinggir atau rendah diri dengan penampilan hebat rakan sebaya lainnya.

Kebanyakan remaja sebenarnya tidak sedar keburukan mengahung-agungkan barangan berjenama ini. Disebabkan oleh mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dan terikut-ikut dengan gaya semasa, tanpa mereka sedari, mereka terjebak dan menjadi hamba kepada fesyen dan barangan berjenama. Dorongan seperti ini dapat membuatkan sesetengah remaja hilang pertimbangan dari segi moral.

Mungkin kita pernah terbacca tentang sesetengah remaja bertindak mencuri barangan di pasar raya akibat batasan kewangan semata-mata ingin memenuhi tuntutan naluri mereka. Tidak kurang juga sesetengah remaja sanggup menjual kehormatannya, mencari wang dengan cara mudah untuk memenuhi keinginan memilikii barangan berjenama dan mahal.


Sesetengahnya pula terpaksa bekerja selepas waktu persekolahan atau kuliah tanpa mengira pekerjaan. Tarikan dan desakan untuk bergaya mewah menyebabkan pelajaran mereka mula terabai. Inilah antara kesan buruk yang kurang disedari oleh kebanyakan remaja pada hari ini. Yang mereka pertingkatkan adalah memenuhi keinginan dunia remaja. Soal pelajaran sudah menjadi perkara kedua dalam hidup mereka.

Dalam memburu keinginan dan kehendak, remaja sebenarnya tertipu akan barangan berjenama atau apa-apa sahaja slogan yang digunakan oleh pengeluar barangan yang sebenarnya hanya merujuk kepada kualiti dan sifat barangan tersebut, tetapi bukan sifat si pemakainya. Sementara gaya atau model yang ditampilkan pula sememangnya sempurna dari segala segi. Yang penting di sini ialah tidak semestinya apa-apa yang digunakan atau dipakai atau disarungkan ke badan model sesuai dengan diri kita.

Kebanyakan remaja lupa soal ini. Ketaasuban kepada barangan berjenama kadang kala membuatkan remaja tampil tidak kena gaya atau lebih tepat lagi dikategorikan sebagai mangsa fesyen. Mereka lupa bahawa iklan hanya sekadar satu tarikan dalam menampilkan gaya hidup menarik.

Rasa taasub kepada barangan berjenama juga dapat menimbulkan atau memupuk sikap riak, takbur dan bermegah-megah dalam kalangan remaja. Sikap buruk ini jika tidak dikawal akan merosakkan hidup remaja. Mereka bukan sahaja membesar sebagai seorang yang boros berbelanja, tetapi juga mungkin berpedejan dengan banyak masalah apabila menuju alam dewasa terutama untuk mengurus dan mengatur kewangan.

Dalam soal ini, peranan ibu bapa sangat penting dalam mendidik remaja terutama dalam mengawasi perbelanjaan mereka. Ibu bapa juga harus memastikan setiap wang yang disalurkan kepada anak mereka perlu dibelanjakan dengan bijak bagi mengelakkan pembaziran, seterusnya merosakkan hidup mereka di kemudian hari. Hal ini kerana dunia remaja ialah sebuah dunia yang rapuh dan pengaruh sekeliling terutama dalam kalangan rakan sebaya cukup mudah mempengaruhi mereka. Sebagai orang yang paling rapat dengan kehidupan remaja, ibu atau bapa seharusnya perlu mengawasi perbelanjaan anak. Pengaruh ke atas barangan berjenama mewah ini perlu diberikan perhatian dari peringkat awal perkembangan kanak-kanak lagi.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa barangan berjenama biasanya mempunyai kualiti yang baik, sesuai dengan harganya. Namun begitu, kita juga perlu menerima hakikat bahawa masih banyak barangan keluaran tempatan atau yang kurang berjenama memiliki kualiti yang hampir setanding dengan barangan berjenama. Yang menjadikan barangan berjenama mahal harganya adalah kerana mereka menjual nama atau jenama sesuatu barangan. Jenama inilah yang akhirnya menjadi tarikan kepada golongan remaja kerana jenama itu dengan sendirinya membawa atau menampilkan satu budaya hidup moden, bergaya dan mengikut peredaran masa. 



tanpa disedari ada remaja yang terjebak dan menjadi hamba kepada fesyen dan barangan berjenama.